

# Sampah bertaburan

Tindakan setengah pihak tak berhemah jejas pandangan

8/11 6/5/2011

Ms 8.

**M**ELAKA TENGAH: Penduduk Kampung Duyong, dekat sini, kecewa dengan sikap sesetengah pihak yang membuang sampah di tong pembuangan berpusat di situ secara tidak berhemah sehingga menjejaskan orang lain yang melalui kawasan itu.

Mereka berharap perbuatan seperti itu dihentikan segera bagi mengelak timbul sebarang perkara tidak diingini termasuk menjejaskan tahap kebersihan kampung berkenaan dan keselamatan penduduk terjejas.

Seorang penduduk yang membuat aduan kepada akhbar ini, Kalsom Dol, 41, berkata, longgokan sampah yang tidak menentu itu mendatangkan ketidakselesaan penduduk setempat dan pengguna jalan berkenaan.

Malah katanya, sampah yang bertaburan di bahu jalan itu mengundang bahaya terutama kepada penunggang motosikal, basikal, kereta dan pejalan kaki sekali gus berisiko mendapat kecederaan serius jika mereka tidak menyedarinya.

"Lebih membimbangkan apabila ramai kanak-kanak yang berulang alik terutama ketika waktu pergi dan pulang dari sekolah berdekatan kerana risiko kecederaan sekiranya terlanggar bungku-



SAMPAH yang dibuang bertaburan.

san berkenaan sentiasa ada.

"Kita tidak ingin melihat kejadian yang buruk berlaku pada masa akan datang kepada kanak-kanak dan berharap pihak berkuasa terbabit mengambil tindakan sewajarnya bagi meng-

atasi masalah berkenaan," katanya.

Nurhaniesah Zainal, 19, pula mendakwa kebanyakan sampah yang dibuang di kawasan berkenaan adalah bukan dilakukan penduduk setempat.

Katanya, kebanyakan sampah yang dibuang adalah daripada peniaga gerai makan atau pengusaha restoran.

"Mengikut tinjauan saya sendiri, sampah ini bukan dibuang oleh penduduk di

sini sebaliknya pengusaha gerai makan tidak jauh dari sini," katanya.

Nurhaniesah berkata, walaupun syarikat pengutip sampah sudah melaksanakan tugas mereka mengutip sampah berkenaan, namun

masalah itu masih berterusan.

Beliau tidak menolak kemungkinan kegiatan pembuangan sampah di situ dilakukan pada awal pagi bagi mengelak aktiviti mereka dikesan.

“Walaupun syarikat pengutip sampah sudah melaksanakan tugas mereka mengutip sampah berkenaan, namun masalah itu masih berterusan”

**Nurhaniesah Zainal**  
Penduduk

